



PASUKAN wanita SPPS merakam gambar kenangan bersama pengadil.

► Liga Sukan Bola Keranjang Wanita SPPS muncul juara

KOTA KINABALU: Liga Sukan Bola Keranjang Wanita yang dianjurkan Universiti Malaysia Sabah (UMS) selama sebulan telah diakhiri dengan persaingan yang menarik baru-baru ini.

Sebanyak lima pasukan telah mewakili sekolah pengajian masing-masing iaitu Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS), Sekolah Perubatan (SPU), Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS), Sekolah Sains

dan Teknologi (SST), serta Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP) telah mengambil bahagian dalam liga berkenaan.

Pasukan SPSS muncul sebagai johan setelah berjaya menewaskan SPKS 36-2.

SPPS beraksi garang apabila menguasai permainan dengan taktik menyerang sehingga pasukan SPKS ketinggalan 2-28 seawal minit kesepuluh.

Kekalahan itu sekaligus menjadikan pasukan berkenaan menyandang naib juara,

manakala pasukan SST di tempat yang ketiga.

Dalam pada itu, ketua pasukan SPSS, Tho Wan Jun menyatakan beliau amat berpuashat dengan penglibatan dalam liga sukan pada tahun ini memandangkan pasukan itu tidak berkesempatan menyertai kejohanan liga berkenaan pada tahun lalu akibat kekurangan pemain.

Katanya, pasukan tersebut amat bernasib baik pada tahun ini kerana terdapat pelajar Sains Sukan dan



KETUA pasukan bola keranjang SPSS menerima hadiah kemenangan daripada Datuk Dr. Kasim.

Program Pendidikan yang mulai menceburi dalam bidang sukan permainan itu.

Dalam pada itu, salah seorang pemain SPSS, Melvina Marvin Chong pula berkata, penglibatan dalam Liga Sukan Bola Keranjang Wanita itu merupakan penglibatan kali pertama oleh kebanyakan pemain.

Walau bagaimanapun katanya, dengan tunjuk ajar daripada para pensyarah seperti Dr. Mohamad Nizam Nazarudin, Pathmanathan K.

Suppiah dan Hasnol Noordin, ia telah membolehkan mereka berjaya meningkatkan kecergasan, disiplin dan semangat sehingga menjuarai liga berkenaan pada kali ini.

Majlis penyampaian hadiah pada kejohanan yang bertujuan untuk mengukur dan mencungkil bakat pemain baru yang berpotensi itu telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Datuk Dr. Hj. Kasim Hj. Md Mansur.